



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA  
**SIARAN MEDIA**

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (71) 06/10

**EKSESAIS PANAH JAGUH SIRI 2/2024 BERJAYA PAMERKAN KESIAGAAN  
GRUP ARTILERI PERTAHANAN UDARA, TENTERA DARAT MALAYSIA**

1. Johor, 24 Oktober 2024 - Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin diiringi oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain bin Jantan hadir menyaksikan Eksesais Panah Jaguh Siri 2/2024 bertempat di Lapang Sasar Bumi ke Udara (LSBU), Tanjung Logok, Kota Tinggi, Johor hari ini.
2. Semasa berlangsung, Menteri Pertahanan (MENHAN), PTD dan delegasi telah diberikan taklimat berkenaan pelaksanaan Eksesais oleh Panglima GAPU, Brigedier Jeneral Azhar bin Mustapha dan menyaksikan segmen simulasi serangan udara melibatkan aset-aset taktikal Angkatan Tentera Malaysia (ATM). MENHAN turut berkesempatan menembak senjata Meriam 35mm Oerlikon secara automatik menggunakan Radar Kawalan Tembakan, Radar Skyguard.
3. Eksesais ini adalah merupakan latihan tembakan melibatkan pasukan-pasukan di bawah pemerintahan Grup Artileri Pertahanan Udara (GAPU), Tentera Darat Malaysia (TDM) yang telah berlangsung sejak 20 Oktober 2024 melibatkan 82 orang pegawai dan 780 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP). Antara aset yang terlibat adalah Meriam 35mm Oerlikon dan misil Starstreak yang mempunyai keupayaan seperti berikut:
  - a. **Meriam Oerlikon 35 MM** - Mampu bekerja secara automatik sepenuhnya dan juga boleh dikendalikan secara *manual*, senjata ini mampu menembak 1100 butir dalam masa seminit digunakan untuk menangkis sasaran di udara sama ada kapal terbang, UAV, helikopter dan boleh digunakan untuk menembak sasaran bumi termasuk sasaran di laut.
  - b. **Misil Starstreak Rapid Ranger** - Mempunyai kelajuan 3700km sejam diintergrasikan dengan Radar CM200 yang boleh mengawasi dalam lingkungan jarak 250km. Starstreak adalah sistem peluru berpandu Very Short Range Air Defence System (VSHORAD) terpantas setakat ini, dengan kemampuan mencecah kelajuan sehingga Mach 3.

c. **Lain-lain aset** - Gempita Varian 30 MM, ACV 300 Adnan 25 MM, G-Wagon *Heavy Machine Gun* (HMG) 12.7 MM, GK MK 1 Gatling Gun 7.62 MM, *General Purpose Machine Gun* (GPMG) 7.62 MM serta Sniper Barret 12.7 MM, KD Perkasa, Fast Combat Boat (FCB) 1101 dan Sukhoi SU-30MKM.

4. Keberkesanan latihan kuasa tembakan ini menjadi **penanda aras bagi kesiapsiagaan pasukan** melalui latihan berterusan serta melaksanakan penambahbaikan yang sistematik melalui latihan berterusan **serta sentiasa bersiaga dalam memastikan keselamatan dan keamanan negara agar sentiasa terjamin**.

5. Selain itu, Eksesais ini adalah merupakan **latihan tembakan Army Training and Evaluation Program (ARTEP) 31 RAD** dan **tembakan tahunan sistem persenjataan Artilleri Pertahanan Udara (Arti PU)** bagi menguji dan meningkatkan kemahiran anggota, serta memastikan kesiapsiagaan operasi sistem persenjataan dalam pelbagai senario pertempuran.

6. Melalui Eksesais ini, Tentera Darat Malaysia akan dapat **meningkatkan semangat dan kerjasama antara pegawai serta anggota tentera** yang terlibat sepanjang latihan berlangsung serta memberi peluang kepada mereka yang terlibat untuk **merasai tembakan senjata secara langsung** bagi memperkuuh kemahiran dan keyakinan mereka dalam melaksanakan tugas di lapangan.

7. Hadir bersama adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Lokman Hakim bin Ali; Ketua Staf Angkatan Tentera Malaysia, Leftenan Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Hj Ahmad; Panglima Medan Barat Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Seri Hj Muhammad Huzaimi bin Sabri, dan Ketua Staf Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Zaidan bin Atan serta Pegawai-pegawai Kanan ATM.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia  
24 Oktober 2024**